



Merangkumi

- Pengoperasian asrama sekolah / Kolej Tingkatan Enam (KTE) / Kolej Vokasional (KV) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pergerakan murid pulang berhari raya Aidilfitri dan kembali ke asrama sekolah / KTE / KV.

Waktu Cuti

Cuti hari raya pada 13 dan 14 Mei 2021

Cuti tambahan KPM sempena hari raya Aidilfitri ialah pada 11 dan 12 Mei 2021 (Selasa dan Rabu)

SOP PENGURUSAN MURID ASRAMA PULANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|--------------------|--|
| Kawalan Pergerakan | <ul style="list-style-type: none"> • Semua murid dibenarkan pulang secara berperingkat sempena Hari Raya Aidilfitri mulai 6 Mei 2021 (Khamis) bagi sekolah/KTE/KV dalam Kumpulan A dan 7 Mei 2021 (Jumaat) bagi sekolah/KTE/KV dalam Kumpulan B. • Murid perlu kembali semula ke sekolah/KTE/KV sebelum atau pada 12 Jun 2021 (Sabtu) bagi sekolah/KTE/KV Kumpulan A dan sebelum atau pada 13 Jun 2021 (Ahad) bagi sekolah/KTE/KV Kumpulan B. • Sekolah/KTE/KV perlu menyediakan jadual pergerakan murid pulang dan kembali ke asrama. • Bagi murid yang pulang menaiki bas yang disediakan oleh pihak sekolah/KTE/KV, ibu bapa/penjaga akan menjemput anak/anak jagaan di lokasi yang ditetapkan oleh sekolah/KTE/KV. • Surat pengesahan bagi tujuan pergerakan ibu bapa/penjaga merentas negeri/zon akan dikeluarkan oleh pihak sekolah/KTE/KV bagi setiap murid. Hanya dua (2) orang sahaja dalam kalangan ibu bapa/penjaga dibenarkan dalam setiap kenderaan. • Murid yang sedang dalam tempoh kuarantin perlu kekal berada di asrama sehingga tamat tempoh kuarantin. |
| Pengangkutan Murid | <p>Kaedah pergerakan pulang murid adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menaiki bas yang disediakan oleh pihak sekolah/KTE/KV; ii. Dijemput oleh ibu bapa/penjaga; iii. Menggunakan pengangkutan udara atau air (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan); atau iv. Menggunakan kenderaan sendiri (hanya untuk pelajar Tingkatan Enam dan pelajar KV). |

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 PUA 96/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.



Merangkumi

- Pengoperasian asrama sekolah / Kolej Tingkatan Enam (KTE) / Kolej Vokasional (KV) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pergerakan murid pulang berhari raya Aidilfitri dan kembali ke asrama sekolah / KTE / KV.

Waktu Cuti

Cuti hari raya pada 13 dan 14 Mei 2021

Cuti tambahan KPM sempena hari raya Aidilfitri ialah pada 11 dan 12 Mei 2021 (Selasa dan Rabu)

SOP PENGURUSAN MURID ASRAMA PULANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|----------------------|--|
| Pengurusan Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> • Murid perlu menjalani saringan kesihatan sebelum menaiki kenderaan yang disediakan oleh sekolah/KTE/KV. • Murid perlu sentiasa memakai pelitup muka dan mematuhi SOP yang ditetapkan sepanjang perjalanan. • Kenderaan yang disediakan oleh sekolah/KTE/KV perlu disanitasi terlebih dahulu sebelum dinaiki oleh murid. • Murid yang sihat sahaja dibenarkan kembali ke asrama dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/tiada kontak rapat. • Murid perlu mengemukakan borang pengisytiharan kesihatan apabila mereka kembali ke asrama. |

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 PUA 96/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.